

15 JAN 2001

Mahathir-Usahawan

USAHAWAN MELAYU PERLU CERMIN DIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta usahawan kecil dan sederhana serta peniaga Bumiputera supaya menilai diri sendiri dan mengatasi kelemahan bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan dalam perniagaan serta bidang-bidang lain.

Perdana Menteri berkata kebanyakan usahawan atau peniaga Bumiputera sering menyalahkan pihak lain termasuk kerajaan apabila gagal dalam perniagaan atau tidak dapat bersaing dengan peniaga bangsa lain.

Katanya pelbagai dorongan, dana dan agensi disediakan bagi membantu peniaga Bumiputera tetapi kejayaan mereka masih tidak memuaskan.

"Tidak adakah kesilapan pada kita sendiri terhadap kegagalan yang kita alami? Ada baiknya kita tanya pada diri sendiri kerana kalau kita tidak tanya, kita tidak tahu," katanya semasa berucap pada pertemuan dengan peniaga kecil Bumiputera di PWTC anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan.

Dr Mahathir berkata masalah kegagalan orang Melayu dalam perniagaan termasuk pencapaian yang rendah dalam bidang pelajaran hanya dapat diatasi apabila mereka memeriksa diri sendiri.

Mengimbas kembali pengalamannya menjadi peniaga kecil di Pekan Rabu, Alor Setar, Dr Mahathir berkata daripada pemerhatiannya, didapati masalah yang dihadapi kebanyakan peniaga Melayu ialah mereka tidak menganggap perniagaan sebagai satu urusan hidup yang kekal tetapi hanya sebagai aktiviti sementara sehingga menunggu mendapat pekerjaan lain.

"Walaupun berniaga di tepi jalan, peniaga Melayu tidak dapat berniaga dengan cekap, termasuk tidak mempamerkan barangan dan menghias tempat untuk menarik pelanggan, berbeza dengan peniaga bangsa lain," katanya.

Perkara sedemikian mungkin dianggap remeh tetapi ia sebenarnya penting bagi meningkatkan perniagaan, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata peniaga Melayu mestilah berupaya menguruskan perniagaan dengan cekap khususnya dalam soal kewangan.

"Tabiat mencatat duit masuk dan duit keluar mesti ada. Tiap kali terima duit mesti tulis, tiap kali membayarpun mesti tulis, dengan itu barulah kita tahu rekod kewangan.

"Sebenarnya, berniaga ini bukan susah sangat. Tetapi yang susah ialah hendak menjadikannya lurus," katanya.

Beliau berkata usahawan dan peniaga Melayu harus belajar dan berusaha mendapatkan pengalaman serta latihan tentang bagaimana hendak berniaga terutamanya dalam menguruskan soal kewangan.

Dr Mahathir berkata kerajaan mendapati peniaga Melayu tidak berminat menjalankan perniagaan runcit walaupun ia boleh berkembang menjadi perniagaan besar seperti yang dibuktikan oleh rangkaian pasar raya Carrefour, Makro dan Giant.

"Orang Melayu kebanyakannya berminat mendapatkan projek seperti yang dibuat melalui pemberian tender kontrak," katanya.

Beliau berkata kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan berusaha menambah bilangan peniaga Melayu dalam bidang perniagaan runcit dan bidang lain seperti perniagaan francais, kedai dobi dan restoran.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga sedang mengenal pasti lebih banyak perniagaan dalam bidang pembuatan bagi membolehkan peniaga Melayu membekalkan barangan elektrik dan komponen kepada pengilang.

Kerajaan telah mengenal pasti 150 perniagaan dan daripadanya, 36 jenis barangan dalam bidang pembuatan diharap dapat diceburi oleh peniaga kecil, katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh kegagalan pelajar Melayu mencatatkan keputusan cemerlang di institusi pengajian tinggi.

Katanya walaupun kerajaan menetapkan kuota 60 peratus pelajar Melayu di universiti, tetapi jika berdasarkan kelulusan, hanya 20 peratus sahaja yang layak memasuki universiti.

Beliau berkata ada pihak yang menyatakan sistem pendidikan perlu diperbetulkan tetapi persoalannya ialah kenapa pelajar Cina dan India yang menggunakan sistem yang sama, mampu lulus dengan baik.

"Sebenarnya, anak-anak Melayu tidak mahu belajar bersungguh-sungguh tetapi lebih banyak bermain. Hari ini, kita dapat 60 peratus pelajar Melayu masuk universiti tetapi hanya 40 peratus sahaja yang lulus dan tidak ada yang mendapat first class honours atau second upper, itu salah orangkah?" katanya.

Dr Mahathir turut meluangkan masa hampir satu jam berdialog dengan 1,000 peserta pada majlis itu.

-- BERNAMA

HS RIZ AZZ MAI